

# Sorok dadah dalam peria, nanas

## Lelaki dipenjara 8 tahun, terima 10 sebatan

Foto: ABDUL LATIFF ZAKARIA

NIK SHEILA ERINI CHE MAT KAMEL

KOTA BHARU - Mahkamah Tinggi di sini menjatuhkan hukuman penjara lapan tahun dan 10 sebatan terhadap seorang bapa beranak lima kerana memiliki 27.32 gram dadah yang disorok di dalam empat biji peria dan dua biji nanas, dua tahun lalu.

Hakim, Ahmad Zaidi Ibrahim mendapati Mazlan Husain, 41, bersalah atas pertuduhan pilihan yang dihadapi.

Dia dituduh melakukan kesalahan itu di sebuah rumah di Pekan Lama,

Rantau Panjang, dekat Pasir Mas, kira-kira jam 6.45 petang, pada 4 Oktober 2008.

Mazlan didakwa di bawah Seksyen 12 (2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 39A (2) akta sama.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dipenjarakan seumur hidup atau satu tempoh yang tidak kurang daripada lima tahun dan tidak kurang daripada 10 sebatan.

Peguam, Ahmad Nurie Abd Rahman, yang mewakili Mazlan, memohon mahkamah meringankan hukuman.

"Tertuduh bekerja sendiri dengan pendapatan antara RM500 dan RM800 sebulan.

"Dia juga penyumbang utama keluarga dan terpaksa menyara seorang isteri yang tidak bekerja dan lima anak, berumur antara 10 dan 21 tahun," katanya.

Timbalan Pendakwa Raya, Wan Abd Razak Wan Hussin, memohon mahkamah mengenakan hukuman setimpal terhadap Mazlan.

Ahmad Zaidi memutuskan hukuman penjara ke atas Mazlan berkuat kuasa dari tarikh dia ditangkap.



● Mazlan Husain dibawa keluar selepas hakim menjatuhkan hukuman.